

Salbia Hassan & Mary Fatimah Subet (2009, March 2-3). Pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak dari sudut fonologi: Kajian pemerolehan Dialek Melayu Sarawak. Proceedings of Seminar Antarabangsa: Pertemuan Linguistik Utara ke-6, Madani Hotel, Medan

**Pemerolehan dan Penguasaan Bahasa Kanak-kanak dari sudut Fonologi: Kajian
Pemerolehan Dialek Melayu Sarawak**

*Mary Fatimah Subet
Salbia Hassan
Pensyarah
Pusat Pengajian Bahasa
Universiti Malaysia Sarawak
sufatimah@cls.unimas.my
Tel: +60 82 581716
hsalbia@cls.unimas.my
Tel: +60 82 581717*

Makalah ini merupakan analisis tentang penggunaan dan pemerolehan bahasa kanak-kanak dari sudut fonologi. Kanak-kanak telah dibekalkan dengan kebolehan menggunakan bahasa sejak dilahirkan yang dinamakan nahu universal (Universal Grammar). Kemampuan bahasa manusia adalah semula jadi (innate). Kajian ini akan memperlihatkan jangka masa kritikal untuk memperoleh bahasa iaitu antara umur 1-5 tahun dan apabila usia mencapai 13 tahun, pemerolehan bahasa adalah melalui pembelajaran. Steinberg (1995), membuktikan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak berkembang mengikut susun atur, yang bermula dengan peringkat 'vokalisasi', 'holofrasa', 'telegrapik' dan berakhir pada peringkat 'perkembangan ayat-ayat kompleks'. Kajian ini memanfaatkan seorang kanak-kanak lelaki yang berusia 2 tahun dengan menganalisis keupayaan kanak-kanak ini menguasai aspek fonologi. Proses-proses seperti 'ommissions' yang melibatkan proses penyingkatan ke ekasuku; gantian-gantian; geluncuran, likuida; dan suku kata kanonik telah digunakan untuk mengesan keupayaan sampel kajian memperoleh sudut fonologi bahasa pertamanya, iaitu dialek Melayu Sarawak.

**Pemerolehan dan Penguasaan Bahasa Kanak-kanak dari sudut Fonologi: Kajian
Pemerolehan Dialek Melayu Sarawak**

1.0 Pendahuluan

Seseorang bayi apabila dilahirkan ke dunia, turut bersama-samanya beberapa alat fizikal yang sesuai untuknya memperoleh bahasa. Walaupun ia memulakan hidup tanpa